

**PERADUAN GAME ON DENGAN NESCAFE® di Kedai Mesra PETRONAS
TERMA DAN SYARAT**

A: Jadual Syarat Penyertaan

Penganjur	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966)																																						
Peraduan	PERADUAN GAME ON DENGAN NESCAFE® di Kedai Mesra PETRONAS																																						
Tempoh Peraduan	Peraduan ini bermula pada 00:00:00 pada 1 ^{hb} Mac 2022 dan ditutup pada 23:59:59 pada 30 ^{hb} April 2022.																																						
Kelayakan	Peraduan ini terbuka untuk semua penduduk sah Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada awal Tempoh Peraduan.																																						
Kaedah Penyertaan	<p>Penyertaan Melalui WhatsApp</p> <p>Untuk menyertai Peraduan ini, beli mana-mana produk NESCAFE® Sedia Untuk Diminum yang mengambil bahagian seperti yang disenaraikan dalam perenggan 4 di bawah ("Produk") bernilai minimum Ringgit Malaysia enam (RM6.00) ("Nilai Minimum") dalam satu resit ("Bukti Pembelian") yang dikeluarkan oleh cawangan Kedai Mesra PETRONAS dalam tempoh Peraduan.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tulis dibahagian depan resit asal ("Bukti Pembelian"), nama penuh anda (mengikut MyKad), nombor MyKad. Contoh: Ariff Bin Ahmad, 901120-14-4221 ("Penyertaan "). 2. Hantar gambar yang jelas Bukti Pembelian melalui aplikasi WhatsApp ke 018-3282399. Setiap Penyertaan, setelah disahkan oleh pihak Penganjur, akan diberikan nombor siri yang berturutan. Penyertaan yang disenarai pendek akan dimaklumkan atau dihubungi melalui aplikasi WhatsApp yang bernombor 018-3282399 untuk menjawab satu Soalan Peraduan yang mudah . Sila rujuk ke Perincian Pengadilan untuk maklumat lanjut. 3. Pihak Penganjur tidak akan menghantar laporan penerimaan bagi setiap Penyertaan yang diterima. 4. Senarai Produk yang mengambil bahagian : <table border="1" data-bbox="432 1406 1318 2054"> <thead> <tr> <th>NO</th> <th>SKU</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td>NESCAFE Cold Brew Hazelnut 240ml</td></tr> <tr><td>2</td><td>NESCAFE Cold Brew Latte Can 240ml</td></tr> <tr><td>3</td><td>NESCAFE Ice Can 300ml</td></tr> <tr><td>4</td><td>NESCAFE Kopi C 240ml</td></tr> <tr><td>5</td><td>NESCAFE Kopi Cham 240ml</td></tr> <tr><td>6</td><td>NESCAFE Kopi O Can 240ml</td></tr> <tr><td>7</td><td>NESCAFE Latte Can 240ml</td></tr> <tr><td>8</td><td>NESCAFE Mocha Can 240ml</td></tr> <tr><td>9</td><td>NESACFE Original Can 240ml</td></tr> <tr><td>10</td><td>NESCAFE PETRONAS Orgl LE 240ml</td></tr> <tr><td>11</td><td>NESCAFE Tarik Can 240ml</td></tr> <tr><td>12</td><td>NESCAFE Tarik Kaw 240ml</td></tr> <tr><td>13</td><td>NESCAFE White Coffee Can 240ml</td></tr> <tr><td>14</td><td>NESCAFE Dairy Free Latte Almond 225ml</td></tr> <tr><td>15</td><td>NESCAFE Dairy Free Latte Oat 225ml</td></tr> <tr><td>16</td><td>NESCAFE Iced Caffé Latte 500ml</td></tr> <tr><td>17</td><td>NESCAFE Iced Capuccino 500ml</td></tr> <tr><td>18</td><td>NESCAFE Iced Chococino 500ml</td></tr> </tbody> </table> 	NO	SKU	1	NESCAFE Cold Brew Hazelnut 240ml	2	NESCAFE Cold Brew Latte Can 240ml	3	NESCAFE Ice Can 300ml	4	NESCAFE Kopi C 240ml	5	NESCAFE Kopi Cham 240ml	6	NESCAFE Kopi O Can 240ml	7	NESCAFE Latte Can 240ml	8	NESCAFE Mocha Can 240ml	9	NESACFE Original Can 240ml	10	NESCAFE PETRONAS Orgl LE 240ml	11	NESCAFE Tarik Can 240ml	12	NESCAFE Tarik Kaw 240ml	13	NESCAFE White Coffee Can 240ml	14	NESCAFE Dairy Free Latte Almond 225ml	15	NESCAFE Dairy Free Latte Oat 225ml	16	NESCAFE Iced Caffé Latte 500ml	17	NESCAFE Iced Capuccino 500ml	18	NESCAFE Iced Chococino 500ml
NO	SKU																																						
1	NESCAFE Cold Brew Hazelnut 240ml																																						
2	NESCAFE Cold Brew Latte Can 240ml																																						
3	NESCAFE Ice Can 300ml																																						
4	NESCAFE Kopi C 240ml																																						
5	NESCAFE Kopi Cham 240ml																																						
6	NESCAFE Kopi O Can 240ml																																						
7	NESCAFE Latte Can 240ml																																						
8	NESCAFE Mocha Can 240ml																																						
9	NESACFE Original Can 240ml																																						
10	NESCAFE PETRONAS Orgl LE 240ml																																						
11	NESCAFE Tarik Can 240ml																																						
12	NESCAFE Tarik Kaw 240ml																																						
13	NESCAFE White Coffee Can 240ml																																						
14	NESCAFE Dairy Free Latte Almond 225ml																																						
15	NESCAFE Dairy Free Latte Oat 225ml																																						
16	NESCAFE Iced Caffé Latte 500ml																																						
17	NESCAFE Iced Capuccino 500ml																																						
18	NESCAFE Iced Chococino 500ml																																						

	<table border="1" data-bbox="435 56 1318 129"> <tr> <td data-bbox="435 56 568 91">19</td> <td data-bbox="568 56 1318 91">NESCAFE Smoovlatte PET 225ml</td> </tr> <tr> <td data-bbox="435 91 568 129">20</td> <td data-bbox="568 91 1318 129">NESCAFE Ros Bandung 240ml</td> </tr> </table> <p data-bbox="400 165 1481 259">5. Untuk setiap pembelian Nilai Minimum Ringgit Malaysia Enam (RM6.00) dalam satu Bukti Pembelian dalam Tempoh Peraduan akan dikira sebagai (1) satu penyertaan di mana satu (1) nombor bersiri akan diberikan secara automatik.</p> <p data-bbox="400 309 1481 403">6. Penyertaan di mana Pembelian melebihi Nilai Minimum dalam satu Bukti Pembelian dalam Tempoh Peraduan akan diberi nombor bersiri tambahan secara automatik berdasarkan setiap pemenuhan Nilai Minimum.</p> <p data-bbox="400 443 1481 537">7. Pihak Penganjur tidak akan menerima sebarang perubahan pada Bukti Pembelian dalam apa juga bentuk. Pesanan Pembelian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian.</p> <p data-bbox="400 577 1481 819">8. Walaubagaimanapun, merujuk perkara diatas, setelah menerima Penyertaan dan / atau pemilihan pemenang, mengikut mana yang berkenaan, Pihak Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut dalam memproses Penyertaan termasuk Bukti asal Pembelian (hardcopy) dan dokumen pengenalan untuk pengesahan sebelum penghantaran Hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana dokumen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah.</p>	19	NESCAFE Smoovlatte PET 225ml	20	NESCAFE Ros Bandung 240ml
19	NESCAFE Smoovlatte PET 225ml				
20	NESCAFE Ros Bandung 240ml				
<p data-bbox="132 864 284 927">Tarikh Akhir Penyertaan</p>	<p data-bbox="408 864 1477 963">Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 30^{hb} April 2022. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p> <p data-bbox="408 987 1422 1052">Untuk Penyertaan Mingguan, Penganjur hendaklah menerima Penyertaan pada atau sebelum 23:59:59 hari terakhir setiap Minggu Peraduan seperti berikut:</p> <ul data-bbox="408 1104 1015 1420" style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Minggu 1 : 01 Mac 2022 – 07 Mac 2022 <input type="checkbox"/> Minggu 2 : 08 Mac 2022 – 14 Mac 2022 <input type="checkbox"/> Minggu 3 : 15 Mac 2022 – 21 Mac 2022 <input type="checkbox"/> Minggu 4 : 22 Mac 2022 – 28 Mac 2022 <input type="checkbox"/> Minggu 5 : 29 Mac 2022 – 04 April 2022 <input type="checkbox"/> Minggu 6 : 05 April 2022 – 11 April 2022 <input type="checkbox"/> Minggu 7 : 12 April 2022 – 18 April 2022 <input type="checkbox"/> Minggu 8 : 19 April 2022 – 25 April 2022 <input type="checkbox"/> Minggu 9 : 26 April 2022 – 30 April 2022 <p data-bbox="400 1462 1453 1561">Untuk penyertaan Minggu Hadiah Utama (Dwi-Mingguan), Penganjur hendaklah menerima penyertaan sebelum atau pada 23:59:59 hari terakhir Minggu Hadiah Utama seperti berikut:</p> <ul data-bbox="408 1606 1086 1742" style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Hadiah Utama 1 : 01 Mac 2022 – 14 Mac 2022 <input type="checkbox"/> Hadiah Utama 2 : 15 Mac 2022 – 28 Mac 2022 <input type="checkbox"/> Hadiah Utama 3 : 29 Mac 2022 – 11 April 2022 <input type="checkbox"/> Hadiah Utama 4 : 12 April 2022 – 25 April 2022 				
<p data-bbox="132 1789 272 1852">Perincian Pengadilan</p>	<p data-bbox="408 1789 707 1816">Pengesahan Penyertaan</p> <ol data-bbox="448 1827 1493 1980" style="list-style-type: none"> 1. Gambar jelas Bukti Pembelian yang menunjukkan Produk, Nombor resit, Tarikh pembelian, Nilai pembelian dan nama Cawangan atau Kedai. 2. Kesahihan tarikh pembelian. 				

	<p>3. Tiada perubahan dilakukan pada resit dalam apa cara; nama Cawangan atau Kedai, Barang belian, Harga dan Tarikh pembelian.</p> <p>4. Resit tulisan tangan, Nota Pesanan dan Nota penghantaran tidak diterima sebagai Bukti Pembelian.</p> <p><u>Pemenang yang disenarai pendek</u></p> <p>5. Setelah Penyertaan disahkan, penyertaan yang disenarai pendek akan dipilih berdasarkan kaedah pemilihan nombor siri dan akan dimaklumkan atau dihubungi melalui aplikasi WhatsApp dari nombor peraduan 018-3282399 untuk menjawab satu Soalan Peraduan yang mudah.</p> <p>6. Penyertaan yang disenarai pendek mesti menjawab dan memberikan jawapan yang betul dalam jangka masa yang ditetapkan agar layak memenangi hadiah tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan pelucutan peluang memenangi hadiah tersebut. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi dengan apa juga alasan.</p> <p>7. Setelah Penganjur menerima jawapan yang betul daripada penyertaan yang disenarai pendek, Pemenang Layak akan dimaklumkan atau dihubungi melalui aplikasi WhatsApp yang bernombor 018-3282399 untuk pemberitahuan jawapan betul. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang Layak tidak dapat dihubungi dengan apa juga alasan.</p>
<p>Hadiah dan Kaedah Pemilihan Pemenang</p>	<p><u>Hadiah</u> Sebanyak 193 hadiah sedia dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan</p> <p>Hadiah Utama (Dwi-Mingguan): 1x OSIM uThrone S Gaming Massage Chair (x 4 Dwi-Mingguan) (Sebanyak 4 OSIM uThrone S Gaming Massage Chair sepanjang Tempoh Peraduan)</p> <p>Hadiah Kedua (Mingguan) 1 x Nescafe X Ducky One 2 TKL RGB – Cherry MX Red Gaming Keyboard (x 9 Minggu) (Sebanyak 9 Ducky One 2 TKL RGB – Cherry MX Red Gaming Keyboard sepanjang Tempoh Peraduan)</p> <p>Hadiah Bonus (Mingguan) 20 x Kad Mesra PETRONAS bernilai RM50.00 (x 9 Minggu) (Sebanyak 180 Kad Mesra PETRONAS bernilai RM50.00 sepanjang Tempoh Peraduan)</p> <p>Senarai nama pemenang juga akan diumumkan di laman sesawang Penganjur di http://www.nescafe.com.my/</p> <p>KAEDAH PEMILIHAN PEMENANG:</p> <p>Hadiah Kedua (Mingguan): Nescafe X Ducky One 2 TKL RGB – Cherry MX Red Gaming Keyboard (x 9 Minggu)</p> <p>Terdapat Satu [1] Nescafe X Ducky One 2 TKL RGB – Cherry MX Red Gaming Keyboard yang akan dimenangi setiap minggu selama sembilan [9] minggu. Sebanyak Sembilan (9) Hadiah Kedua Mingguan yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.</p> <p>Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Kedua Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi mengikut Resit yang dikemukakan [masing-masing adalah</p>

"Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".

Setiap minggu nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Dengan mengandaikan Jumlah Penyertaan Layak yang diterima untuk minggu tersebut adalah 280, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut :

$$280 \div 2 = \underline{140^*}$$

Penyertaan Hadiah Kedua Mingguan yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-140*.

Seramai **1 PEMENANG** akan dipilih untuk setiap Minggu Peraduan.

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.

Hadiah Bonus (Mingguan): 20 x Kad Mesra PETRONAS bernilai RM50.00

Terdapat dua puluh [20] x Kad Mesra PETRONAS bernilai RM50.00 setiap satu yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Minggu Peraduan. Sebanyak seratus lapan puluh (180) Hadiah Bonus Mingguan yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Bonus Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Minggu Peraduan [masing-masing "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"] . Satu set nombor siri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".

Setiap Minggu nombor siri yang diperuntukkan untuk setiap Penyertaan Layak akan disusun kira untuk mendapatkan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak "] dan seterusnya penolakan Penyertaan Pemenang Hadiah Kedua Mingguan. Dengan mengandaikan Jumlah Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Minggu Peraduan adalah 280 Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut:

Andaikan Penyertaan Pemenang Hadiah Kedua Mingguan = *4 Penyertaan ;
 $280 - *4 = 276 \div 20 = \underline{13.8^*}$

Penyertaan Hadiah Bonus yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri **ke13*** dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan **13**. Contoh nombor bersiri yang akan disenarai pendek sebagai pemenang; ; 13*, 26*, 39*,52*, 65* dan seterusnya (sehingga 20 nombor siri).

Seramai **20 PEMENANG** akan dipilih untuk sepanjang Tempoh Minggu Peraduan.

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.

Hadiah Utama (Dwi-Mingguan): OSIM uThrone S Gaming Massage Chair

Sejumlah satu [1] OSIM uThrone S Gaming Massage Chair untuk dimenangi sepanjang tempoh Minggu Hadiah Utama. Sebanyak empat [4] Hadiah Utama untuk dimenanangi sepanjang Tempoh Peraduan.

	<p>Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Utama , Penganjur akan memperuntukkan nombor siri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan Minggu Hadiah Utama (Dwi-Minggu) [masing-masing "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"] . Satu set nombor siri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>Setiap dwi-minggu nombor siri yang diperuntukkan untuk setiap Penyertaan Layak akan disusun kira untuk mendapatkan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak "]. Dengan mengandaikan Jumlah Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan Minggu Hadiah Utama tersebut adalah 560, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut:</p> <p>$560 \div 2 = \underline{280^*}$</p> <p>Penyertaan Hadiah Utama yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke280*.</p> <p>Seramai 1 PEMENANG akan dipilih untuk sepanjang Tempoh Minggu Peraduan Hadiah Utama.</p> <p>Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.</p> <p>Penyertaan yang disenarai pendek yang terpilih berdasarkan kaedah pemilihan nombor siri dan akan dimaklumkan atau dihubungi melalui aplikasi WhatsApp dari nombor peraduan 018-3282399 untuk menjawab satu Soalan Peraduan yang mudah.</p> <p>Penyertaan yang disenarai pendek mesti menjawab dan memberikan jawapan yang betul dalam jangka masa dua hari dari notifikasi soalan Peraduan agar layak memenangi hadiah tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan pelucutan peluang memenangi hadiah tersebut. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya penyertaan yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi dengan apa jua alasan.</p> <p>Setelah Penganjur menerima jawapan yang betul daripada penyertaan yang disenarai pendek , Pemenang Layak akan dimaklumkan atau dihubungi melalui aplikasi WhatsApp yang bernombor 018-3282399 untuk pemberitahuan jawapan betul . Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang Layak tidak dapat dihubungi dengan apa jua alasan.</p>
<p>Syarat Tambahan</p>	<p>Setiap peserta layak untuk memenangi maksimum dua (2) hadiah sahaja, sepanjang Tempoh Peraduan.</p> <p>1 x Hadiah Utama dan 1 x Hadiah Kedua Mingguan 1 x Hadiah Utama dan 1 x Hadiah Bonus Mingguan</p>
<p>Tarikh Tuntutan/ Serahan Hadiah</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hadiah akan diproses untuk penghantaran kepada para pemenang oleh Penganjur dalam tempoh masa 6 hingga 8 minggu selepas tamatnya Tempoh Peraduan ; 30hb April 2022. Pihak Penganjur berhak melanjutkan tempoh yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan pihak Penganjur. 2. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh masa tiga (3) bulan dari tarikh pengumuman atau notis mengenai tuntutan Hadiah yang mana dulu, kegagalan mematuhi akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah. Pihak Penganjur berhak melanjutkan tempoh yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan pihak Penganjur.

	<p>3. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian hadiah kerana keadaan lain yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan kekerasan, permusuhan, kecemasan nasional, berlakunya wabak) dan untuk sebarang kecauaian oleh pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>4. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, tugas dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengumpulkan hadiah akan ditanggung oleh pemenang dengan kos mereka sendiri.</p>
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat-syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <http://www.nescafe.com.my/> secara kolektif dinamakan “**Terma dan Syarat**”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B. Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer

dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketentuan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta.

- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan NESTLÉ Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya dimana tertera di dalam Akta Syarikat 2016, tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat

berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan **GAME ON DENGAN NESCAFE® di Kedai Mesra PETRONAS**, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice
- 12.2 By participating in the “**GAME ON DENGAN NESCAFE® di Kedai Mesra PETRONAS**” contest, the Participant agrees to the processing of the Participant’s Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice